MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

http://www.parlimen.gov.my

HARI SELASA, 22 MAC 2011, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 10

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-000-L42896
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) kesahihan serta maklumat terperinci senarai penerima e-Kasih di seluruh negara dan sejauh manakah sistem berkenaan berjaya mengeluarkan masyarakat termiskin terutamanya di luar bandar; dan

(b) perancangan Kerajaan dalam mengkaji dan mengemaskinikan daftar e-Kasih terbaru secara komprehensif dan terkini.

2. PR-000-L42590
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan secara jelas apakah Kerajaan mempunyai satu sistem insentif untuk sukan yang melibatkan pelbagai jenis sukan seperti bola sepak, badminton, sepak takraw dan sebagainya. Apakah kriteria-kriteria yang diguna pakai dalam melunas insentif yang pelbagai ini.

3. PR-000-L42657
Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jangkaan pelaburan jangka panjang Malaysia dan Majlis Kerjasama Teluk (GCC) dari aspek ekonomi, komersial, pelaburan dan teknikal ke arah jalinan ekonomi lebih mapan.

4. PR-000-L43065
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan meminda Perlembagaan Persekutuan pada tahun ini demi menukar persempadanan kawasan Parlimen dan kawasan Dewan Undangan Negeri. Kenapakah Suruhanjaya Pilihan raya sengaja memindah pengundi ke pusat pengundian yang jauh dari pusat pengundian asal mereka dan mencetuskan kekeliruan di kalangan pengundi dalam siri pilihan raya kecil yang lepas.

5. PR-000-L43103
Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina sebuah universiti di Labuan yang mempunyai identiti contohnya*, Full-Fledged University* untuk membolehkan universiti yang ada sekarang menambah pengajian khusus kepada *oil & gas* dan kejuruteraan laut yang sesuai dengan keperluan di Labuan.

6. PR-000-L41952
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

(a) jumlah ibu tunggal yang memohon bantuan untuk tahun 2010, sila berikan angka mengikut setiap negeri; dan

(b) senaraikan semua jenis bantuan yang dapat diberikan kepada mereka.

7. PR-000-L42857
Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang mengkaji semula untuk memberi layanan “visa semasa ketibaan” (VOA) kepada warga Taiwan memandangkan pelabur Taiwan menyumbangkan pelaburan asing yang besar.

8. PR-000-L41754
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pecahan jumlah mengikut gender pengurusan teratas dalam perkhidmatan awam, termasuk SUK, Pengarah, Ketua Jabatan, Pegawai Daerah dan Ketua Eksekutif. Bilakah sasaran sekurang-kurangnya 30% penglibatan wanita akan tercapai.

9. PR-000-L41888
Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah dasar Kerajaan sekarang berkaitan dengan bantuan kewangan kepada murid-murid di bawah skim KWAMP.

10. PR-000-L42350
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah wang dalam *'Retrenchment Fund'* setakat ini dan sejauh mana pekerja di negara ini mengetahui hak mereka.

11. PR-000-L43011
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan setakat ini berapa jumlah Netbook 1Malaysia telah diagihkan dan adakah pihak Kementerian telah membuat kajian dan mengambil respon rakyat mengenai pemberian Netbook 1Malaysia ini, adakah pelajar yang menerima benar-benar mendapat talian *broadband* seperti yang dijanjikan terutama di kawasan luar bandar.

12. PR-000-L42558
Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan perkembangan pembinaan SJKC Sungai Long, SJKC Kajang dan SJKC Bukit Serdang.

13. PR-000-L41209
Tuan William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian sedar atau tidak tentang beban dan tanggungan ibu bapa yang berpendapatan rendah membayar asuhan kanak-kanak *(nursery)* yang mencecah RM500 sebulan bagi setiap orang anak dan sekiranya ada, apakah perancangan Kementerian untuk membantu golongan ini.

14. PR-000-L41759
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan :-

(a) bilakah peruntukan RM100 juta bagi Resort Nexus Karambunai untuk pelancongan eko di Sabah akan dilaksanakan dan siap disediakan. Apakah ciri-ciri projek yang terlibat; dan

(b) apakah rasional projek-projek sedemikian apabila ada pertikaian di mahkamah atas tanah yang terlibat.

15. PR-000-L42290
Dato' Sri Ir. Ong Tee Keat [Pandan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) mengapa kemudahan kredit-mikro melalui Program TEKUN Nasional dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) masih belum diperluaskan kepada semua warganegara agar sejajar dengan gagasan 1Malaysia; dan

(b) apakah amalan yang berkenaan akan berubah. Jika ya, bila. Jika tidak, mengapa.

16. PR-000-L41800
Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejak beberapa dekad ini penggunaan tulisan jawi sudah kurang atau merosot penggunaannya. Adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan pengajaran dan penggunaan jawi di sekolah-sekolah.

17. PR-000-L41181
Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **MENTERI PENERANGAN KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah langkah diambil untuk melegakan ketakutan rakyat yang berpunca daripada pembinaan menara telekomunikasi di kawasan perumahan yang dipercayai akan menjejaskan kesihatan penduduk persekitaran. Apakah Kementerian mempunyai alternatif lain supaya menara telekomunikasi tidak perlu dibina di kawasan perumahan.

18. PR-000-L42519
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan asas dan proses penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang, yang dilaporkan bahawa Kabinet telah memutuskan secara prinsip untuk ditawar kepada syarikat berkaitan dengan Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary. Apakah syarat-syarat penting dalam penswastaan ini.

19. PR-000-L41993
Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [Mukah] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan berapakah peruntukan untuk Sabah dan Sarawak untuk program peningkatan kemudahan pelancongan di kedua-dua negeri tersebut.

20. PR-000-L41140
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapakah jumlah bayaran bil elektrik lampu jalan di kampung daripada tahun 2008 hingga kini.

21. PR-000-L41428
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan guru mengikut gred dan jawatan dari Semenanjung ke Sabah dan sebaliknya. Apakah perbezaan elaun rumah dan sara hidup bagi kedua-dua wilayah ini.

22. PR-000-L42397
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pemilik kenderaan lama dan motosikal yang terpaksa membayar caj tambahan *(loading)* semasa membeli *third-party* insurans sehinggakan jumlah yang dibayar oleh mereka telah bertambah lebih daripada dua kali ganda.

23. PR-000-L41748
Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah pesakit yang mendapat perkhidmatan di Klinik 1Malaysia sejak ia diperkenalkan dan adakah ia dilihat relevan berdasarkan dengan sambutan yang diberikan rakyat.

24. PR-000-L41243
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapakah jumlah subsidi gula yang diberikan kepada syarikat-syarikat pengeluaran minuman dan makanan daripada tahun 2005 hingga 2010.

25. PR-000-L41401
Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah terbaru bagi mengatasi kelewatan jadual pembinaan SK Pantu Sri Aman yang pada masa kini telah berlarutan hampir setahun walaupun ia dijadualkan siap pada Mei 2010.

26. PR-000-L42977
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan mempunyai ketetapan atau peruntukan kewangan khas kepada umat Islam Palestin.

27. PR-000-L42530
Datin Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk membina rumah kos rendah di kawasan Batu Sapi untuk mangsa bencana alam agar mereka terhindar daripada bahaya runtuhan tanah.

28. PR-000-L41832
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan perlaksanaan penghapusan duti import kepada 300 barangan baru lalu dan implikasinya.

29. PR-000-L41352
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan bahawa kualiti minyak sawit sentiasa baik dan terjamin serta diterima di peringkat antarabangsa. Bagaimana pula Kerajaan boleh mendidik pekebun-pekebun kecil kelapa sawit supaya mengutamakan kualiti buah sawit untuk dijual.

30. PR-000-L42935
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kementerian berhasrat meneruskan juga perancangan menswastakan Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) yang pasti akan membebankan rakyat dan menguntungkan syarikat yang dipilih.

31. PR-000-L41973
Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam menangani isu pembuangan sampah yang semakin tinggi dan apakah program kesedaran yang dilancarkan dan digerakkan oleh agensi Kerajaan masih gagal dalam menyedarkan rakyat.

32. PR-000-L42533
Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan Malaysia dalam krisis persengketaan sempadan antara negara Kemboja dan Thailand.

33. PR-000-L41253
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-

(a) jumlah pelajar bukan berketurunan Cina yang belajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di negeri Sabah; dan

(b) pecahan mengikut kaum, daerah dan peringkat pembelajaran sejak sepuluh (10) tahun yang lalu.

34. PR-000-L41936
Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa pemohon kewarganegaraan Malaysia dari luar ibu negeri Sarawak dikehendaki mengambil ujian Bahasa Melayu dan ditemuduga di Kuching sahaja. Apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini.

35. PR-000-L42210
Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah yang akan dijalankan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kelewatan pembayaran skim bantuan kebajikan lebih-lebih lagi penghujung tahun kepada golongan miskin.

36. PR-000-L42389
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) apakah rasional Tan Sri Mohd Isa Abd Samad dilantik sebagai Pengerusi FELDA yang baru; dan

(b) apakah tindakan Kerajaan berikutan kenyataan beberapa penganalisis ekonomi bahawa pelantikan tersebut memberi kesan dan isyarat negatif kepada pasaran.

37. PR-000-L41157
Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah pelatih PLKN yang berjaya menjalani latihan dan berapakah sebenarnya jumlah wang yang telah digunakan sejak program tersebut diwujudkan.

38. PR-000-L42897
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-

(a) perancangan Kerajaan bagi menangani masalah banjir yang melanda Padang Terap; dan

(b) bilakah jangkaan Kerajaan masalah tersebut boleh diselesaikan.

39. PR-000-L42697
Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah kompleks CIQS Biawak akan beroperasi dengan sepenuhnya memandangkan kerja menaik taraf jalan utama iaitu, Jalan Biawak, manghadapi masalah kelewatan yang teruk dengan prestasi hanya 35 peratus dilaporkan pada bulan Disember, 2010 walaupun jadual asal tamat pada 27 Februari, 2011.

40. PR-000-L42598
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan disiplin yang telah diambil terhadap guru besar SMK Tunku Abdul Rahman Putra, Siti Inshah Mansor kerana melafazkan kata-kata rasis terhadap pelajar-pelajar yang bertentangan dengan konsep 1Malaysia dan senaraikan pegawai-pegawai sekolah lain yang telah diambil tindakan disiplin atas kesalahan yang sama.

41. PR-000-L42829
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang mewajibkan semua pengusaha bas ekspres di negara ini mewujudkan sistem pembelian tiket secara elektronik atau *e-ticketing* bagi memudahkan pengguna berurusan sekali gus mengatasi masalah ulat tiket yang kian berleluasa.

42. PR-000-L42428
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan jumlah jaminan bank, subsidi atau insentif yang diberikan dan pampasan yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada setiap syarikat konsesi penjana kuasa bebas tiap-tiap tahun sejak ia bermula pada tahun 1980-an. Berikan pecahan syarikat, kos pembinaan dan tempoh masa konsesi.

43. PR-000-L42606
Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi memastikan semua kepentingan Bumiputera dalam semua projek pembangunan UDA Holdings Berhad seperti Program Kuala Lumpur Raya *(Greater Kuala Lumpur)* dan Pusat Bandar Bukit Bintang (BBCC) terus terpelihara serta jaminan peniaga atau usahawan Bumiputera diberi peluang berniaga di kawasan strategik dan pemilikan hartanah komersial Bumiputera seluruh negara.

44. PR-000-L41783
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang bentuk dan pendekatan hubungan antara agama dalam usaha melahirkan kedamaian antara agama di Malaysia.

45. PR-000-L43046
Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian dapat mempertimbangkan taman rekreasi seperti padang bola sepak, taman permainan kanak-kanak di Pulau Bruit, Muara Payang, Sebayang, Mupong memandangkan Tanjong Manis adalah gabungan beberapa buah pulau dan sebuah kawasan delta yang agak sukar untuk kanak-kanak dan remaja pergi bersukan di bandar besar.

46. PR-000-L42253
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah bilangan lokap dan bilik soal siasat yang masih tidak memasang CCTV dan nyatakan sebabnya secara munasabah memandangkan Kerajaan telah memberikan peruntukan yang mencukupi.

47. PR-000-L42312
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan benarkah tahap pembangunan negara telah bertambah maju selepas NKRA dilancarkan. Senaraikan secara ringkas bidang-bidang yang mencapai tahap kemajuan yang ketara dan bidang-bidang yang masih ketinggalan. Apakah kesinambungan di antara PEMANDU dengan Kementerian-Kementerian yang bertanggungjawab.

48. PR-000-L41257
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sasaran spesifik dan langkah utama yang telah digariskan oleh Talent Corporation setakat ini untuk mencapai objektif penubuhannya. Nyatakan cabaran dan negara saingan yang dihadapi dalam mengekal dan menarik golongan pakar, profesional dan berkemahiran ini.

49. PR-000-L42438
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk mengurangkan Cabutan Khas bagi syarikat judi Magnum, TOTO dan Damacai, sekiranya tidak, kenapa.

50. PR-000-L42794
Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk meningkatkan kapasiti atau penyelenggaraan loji kumbahan IWK di kawasan-kawasan pembangunan lama.

51. PR-000-L42069
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah sokongan dan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan bagi menggalakkan institusi-institusi pengajian tinggi tempatan menubuhkan Parlimen Mahasiswa sebagaimana program rintis di Universiti Sains Malaysia.

52. PR-000-L41918
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bahawa menurut Akta Pengangkutan Jalan bilangan notis atau saman yang dikeluarkan terhadap pemandu-pemandu yang melanggar peraturan setiap tahun di seluruh negara. Apakah tindakan yang disyorkan bagi para pesalah yang tidak menjelaskan notis atau saman.

53. PR-000-L41161
Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah skim bantuan yang telah dan akan diberikan kepada pemegang-pemegang syarikat AP kenderaan sekiranya pemilikan AP ditarik balik oleh Kerajaan suatu masa kelak.

54. PR-000-L42575
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) Apakah tindakan undang-undang akan dikenakan terhadap Syarikat BESTINO Group Berhad yang mengutip wang deposit tanpa lesen serta langkah pemulihan yang dikenal pasti untuk mengembalikan wang pelabur BESTINO sebanyak RM400 juta; dan

(b) Jumlah kes skim cepat kaya dan skim pelaburan emas dilaporkan serta jumlah aset yang telah dibekukan oleh Bank Negara Malaysia dalam 5 tahun ini.

55. PR-000-L41342
Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan perkembangan terhadap peningkatan pembangunan pelajaran dan pendidikan di negara ini seolah-olah tiada landasan untuk dijadikan garis panduan seperti sebelum ini terdapat "Penyata Abd Rahman Talib, Penyata Razak" dan lain-lain. Adakah kerajaan melalui Kementerian Pelajaran berhasrat untuk mewujudkan sebuah "Penyata Pelajaran Baru" yang lebih jelas dan terarah yang boleh diterima pakai kepada pembangunan pelajaran di negara ini.

56. PR-000-L42113
Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan rasional Kerajaan untuk masih menggunakan buku Interlok walau pun ada bantahan daripada rakyat Malaysia dan mengapa Kerajaan tidak menggunakan buku sastera lain.

57. PR-000-L41172
Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan bilakah sebenarnya projek bekalan air di Kundasang dilaksanakan. Projek tersebut seharusnya dilaksanakan dalam RMK-9 melalui pengumuman yang dibuat beberapa kali oleh kerajaan negeri dengan peruntukan RM10 juta.

58. PR-000-L42315
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah doktor pelatih *(houseman)* dan latihan doktor pelatih *(houseman)* di hospital pada tahun 2010, 2011 dan untuk 5 tahun ke depan dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengekalkan mutu latihan.

59. PR-000-L41560
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) apakah jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh Suruhanjaya Pilihan Raya bagi mengadakan Pilihan Raya Kecil Parlimen Batu Sapi, DUN Galas dan DUN Tenang baru-baru ini; dan

(b) apakah jumlah perbelanjaan (peruntukan atau sumbangan) Kerajaan semasa tempoh berkempen di ketiga-tiga kawasan tersebut.

60. PR-000-L42082
Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan siapakah pemegang-pemegang saham Syarikat *Touch n Go* dan adakah *Touch n Go* telah melanggar Akta Persaingan yang diluluskan tahun lepas.

61. PR-000-L41420
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan mutakhir 19 bank komersial dari segi dasar, komitmen, penawaran produk dan perkhidmatan kepada para pengguna berikutan penstrukturan semula bank asing dan tempatan dan apakah usaha Kerajaan untuk menggalakkan perkembangan dan pembangunan bank tempatan.

62. PR-000-L41632
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kos pembaikan dan pemulihan bangunan Parlimen semenjak tahun 2005 dan bagaimanakah perkembangan dan kemajuan kerja-kerja membaik pulih bangunan Parlimen terkini dan sejauh manakah kerosakan struktur yang berlaku.

63. PR-000-L41488
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status India Muslim di sisi Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan apakah perancangan Kerajaan untuk membantu membangunkan ekonomi masyarakat mereka.

64. PR-000-L41228
Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tahap jaminan keselamatan struktur Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin Kuala Terengganu yang telah dibersihkan sisa runtuhan bumbung untuk digunakan semula.

65. PR-000-L42017
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tujuan dan komposisi Jawatankuasa Khas Kabinet untuk Mengukuhkan Strategi Komunikasi Kerajaan *(Cabinet's Special Committe to Strengthen the Government's Communications Strategy)* dan apakah bidang kuasa Jawatankuasa Khas Kabinet tersebut untuk mengesahkan "Garis Panduan Media Internet" *(Internet Media Guidelines)* bagi menjelaskan undang-undang sedia ada yang telah digubal oleh Parlimen.

66. PR-000-L43019
Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian menyiasat laporan dan kenyataan Migrant Care tentang seorang Menteri merogol amah dan adakah Kementerian menyedari NGO ini masih mempertahankan laporan tersebut.

67. PR-000-L41958
Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sebab-sebab perlaksanaan projek kemudahan asas di bawah NKRAs bagi negeri Sarawak tidak dapat dimulakan dengan secepat mungkin dan disiapkan dalam jangka masa 3 tahun yang ditetapkan iaitu penghujung tahun 2012.

68. PR-000-L43012
Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan bagaimanakah projek pembangunan di bawah Pelan *"Greater Kuala Lumpur"* diberikan serta bolehkah Menteri senaraikan lantikan syarikat melalui tender terbuka dan rundingan terus dan nilai setiap projek yang telah diberikan.

69. PR-000-L41279
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini pelaksanaan pembinaan Lebuh Raya Kupang - Durian Burung, Kedah dan bilakah projek ini dijangkakan siap sepenuhnya.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] dan masalah dicadangkan :-**

" Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

" Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kedua Belas."

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (21 Mac, 2011)

2.	(D.R. 47/2010)	Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu 2010 **[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]**	**Bacaan Kali Yang Kedua**
3.	(D.R. 43/2010)	Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2010 **[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]**	**"**
4.	(D.R. 34/2010)	Rang Undang-undang Juruanalisis Makanan 2010 **[Kementerian Kesihatan]**	**"**
5.	(D.R. 38/2010)	Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Peluasan) 2010 **[Kementerian Pengangkutan]**	**"**
6.	(D.R. 39/2010)	Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) (Pindaan) 2010 **[Kementerian Pengangkutan]**	**"**
7.	(D.R. 42/2010)	Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2010 **[Perdana Menteri]**	**"**

8.	(D.R. 44/2010)	Rang Undang-undang Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2010 **[Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani]**	“
9.	(D.R. 46/2010)	Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010 **[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]**	“
10.	(D.R. 30/2010)	Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir Dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2010 **[Kementerian Kewangan]**	“
11.	(D.R. 48/2010)	Rang Undang-undang Maktab Kerjasama (Perbadanan) (Pindaan) 2010 **[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]**	“
12.	(D.R. 45/2010)	Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2010 **[Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar]**	“
13.	(D.R. 2/2011)	Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2011 **[Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri]**	“
14.	(D.R. 1/2011)	Rang Undang-undang Veteran 2011 **[Kementerian Pertahanan]**	“
15.	(D.R. 3/2011)	Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011 **[Kementerian Belia dan Sukan]**	“
16.	(D.R. 5/2011)	Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2011 **[Perdana Menteri]**	“

17. (D.R. 4/2011) Rang Undang-undang (Larangan) Kumpulan Wang Kutu (Pindaan) 2011 **“**

[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]

18. (D.R. 37/2009) Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009 **“**

[Kementerian Kewangan]

19. PR-000-U41523
Menteri Kewangan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan subperenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan melalui Menteri Kewangan (Pemerbadanan) membuat pelaburan dengan memperoleh sejumlah 10,000,000 unit saham biasa Danalnfra Nasional Berhad, sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Pemerbadanan) pada nilai RM1 bagi satu unit saham."

20. PR-000-U41523
Menteri Kewangan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM15,500 juta wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) yang diterima di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut.”

21. PR-000-U41312
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini, negara kita sering dilanda bencana banjir kilat yang bukan sahaja mendatangkan kerugian kepada rakyat dan negara, malah terdapat juga kehilangan nyawa. Dan mengambil maklum bahawa sebahagian besar punca berlakunya bencana banjir kilat ini disebabkan oleh aktiviti manusia sendiri, di mana sungai-sungai, saliran-saliran dan kolam-kolam takungan air telah menjadi cetek disebabkan oleh mendapan lumpur dan pasir. Dan mengambil maklum juga bahawa mendapan lumpur dan pasir-pasir di tempat-tempat yang disebutkan tadi adalah disebabkan oleh aktiviti manusia sendiri, misalnya penimbusan tanah secara terbuka, pembangunan tidak terancang, pembukaan ladang-ladang dan lain-lain lagi aktiviti pembangunan.

Dan mengambil maklum bahawa dalam banyak kes, laporan kesan alam sekitar (EIA) tidak disediakan langsung atau tidak dipatuhi. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian yang berkaitan untuk meminda mana-mana akta yang perlu bagi menguatkuasakan peraturan sedia ada atau peraturan baru bagi mengatasi masalah yang mendatangkan kerugian besar kepada negara dan rakyat ini."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

22. PR-000-U41326
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa terdapat banyak tanah-tanah perkuburan yang tidak terurus atau dikendalikan dengan baik, di mana ianya tidak disusun dengan rapi yang menyebabkan banyak kawasan kubur yang tidak dapat digunapakai. Dan mengambil maklum bahawa kos penyelenggaraan dan pemuliharaan tanah perkuburan kian meningkat, banyak tanah perkuburan yang terbiar dan menjadi seperti kawasan belukar. Dan mengambil maklum juga bahawa kebanyakan tanah perkuburan tidak dijaga ataupun diselia dengan baik kecuali sesetengah tanah perkuburan yang ditadbir oleh badan JKKK atau JK tanah perkuburan di kampung yang berkaitan. Dan mengambil maklum juga bahawa pada ketika ini belum ada mana-mana peraturan sedia ada yang memastikan satu-satu tanah perkuburan diselenggara atau dijaga dengan baik bagi memastikan ianya sentiasa bersih dan terpelihara. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menubuhkan satu lembaga atau yayasan yang akan bertanggungjawab untuk menyelenggara dan menyelia tanah-tanah perkuburan di seluruh negara agar ianya sentiasa terpelihara sama ada dari segi kesihatan, kebersihan mahupun keindahan."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

23. PR-000-U41335
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa masalah tanah terbiar kian berleluasa. Dan mengambil maklum bahawa masalah bukan sahaja tidak mendatangkan sebarang hasil kepada pemilik tanah tersebut, malah ianya akan mendatangkan masalah lain seperti tempat pembiakan nyamuk aedes, ular, tikus dan sebagainya yang boleh mendatangkan berbagai jenis penyakit. Dan mengambil maklum juga bahawa perkara ini berlaku kerana beberapa sebab misalnya si pemilik tidak mampu untuk mengusahakan tanah tersebut , tanah tersebut terlalu kecil keluasannya, keluasan tanah yang tidak mencukupi bagi syarikat besar seperti FELCRA untuk mengusahakannya dan lain-lain sebab lagi.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menggubal satu akta atau peraturan di mana ianya akan dapat mendorong atau memastikan bahawa pemilik tanah-tanah terbiar tersebut untuk mengusahakannya. Di samping itu, menubuhkan satu koperasi bagi memajukan tanah-tanah tersebut dengan dana disumbangkan oleh syarikat swasta (di bawah Program CSR) dan Kerajaan."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

24. PR-000-U41341
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa masalah kebanyakan benteng sungai-sungai di pekan-pekan utama dibina dengan konkrit. Dan mengambil maklum bahawa sungai-sungai konkrit ini bukan sahaja tidak mesra alam, tumbuhan yang lazimnya tumbuh di tebing-tebing sungai juga tidak dapat tumbuh. Dan mengambil maklum juga bahawa sungai-sungai konkrit ini juga tidak memberikan ruang bagi ikan-ikan di sungai untuk meletakkan telur mereka dan membiak, seperti mana lazimnya berlaku di sungai-sungai semulajadi. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menambah mana-mana peraturan sedia ada, supaya benteng-benteng sungai dibina dengan menggunakan cerucuk kayu keras ataupun *"interlocking bricks"* bagi membolehkan rerumput tumbuh dan juga ikan-ikan bertelur dan membiak (sebagaimana yang dibina di bandar Sibu, Sarawak). Kaedah ini adalah lebih mesra alam di samping mengekalkan flora dan fauna serta kehidupan marin sungai tersebut."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

25. PR-000-U41523
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan faktor-faktor seperti inflasi, dasar yang tidak adil, keadaan hak asasi, kedudukan kekurangan kebebasan media yang menjejaskan kehidupan rakyat. Bahawa Dewan ini juga membincangkan apakah perbezaan di antara Malaysia berbanding dengan negara Mesir yang mengalami pemberontakan 'bunga melati' moden."

(Perdana Menteri)

26. PR-000-U41525
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendebatkan keperluan untuk mengkaji secara menyeluruh kekurangan kualiti sesetengah doktor di negara ini serta cara-cara untuk mengatasinya.

Dewan ini juga membicarakan sebab-musabab Majlis Perubatan Malaysia tidak dapat mengawal dengan berkesan standard graduan perubatan lebih 3,500 orang setiap tahun."

(Menteri Kesihatan)

27. PR-000-U43074
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

28. PR-000-U43075
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan Pilihanraya Kerajaan Tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

29. PR-000-U43076
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

30. PR-000-U43077
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

(Perdana Menteri)

31. PR-000-U43078
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Pembaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

(Menteri Dalam Negeri)

32. PR-000-U41480
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini menetapkan dan membincangkan mengenai perjanjian di antara pihak Petronas dengan Kerajaan negeri Sabah dan Persekutuan berkaitan cari gali minyak yang bukan sahaja mengandungi minyak mentah tetapi juga terdapat bahan-bahan lain seperti gas agar pihak-pihak yang berkenaan dapat menentukan dasar dan cara untuk meneliti dan mengkaji semula hasil galian tersebut demi untuk kebaikan bersama".

(Perdana Menteri)

33. PR-000-U41484
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini menetapkan dan meluluskan supaya kakitangan Kerajaan yang ditugaskan oleh SPR semasa pilihan raya berlangsung dan mereka yang bertugas di luar kawasan pada ketika itu termasuklah anggota polis, tentera dan sebagainya yang membuang undi secara undi pos seharusnya mengundi dengan sebebas-bebasnya tanpa dipengaruhi atau diarah oleh mana-mana pihak. Para pengundi pos ini mesti dan haruslah membuang undi untuk calon dari kediaman asal atau alamat tetapnya dan bukan di kawasan di mana pengundi itu bertugas."

(Perdana Menteri)

34. PR-000-U41490
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini membincangkan dengan seriusnya mengenai kemuliaan rakyat negara kita sebagai Rakyat Malaysia dengan suku-suku kaum masing-masing dan bukan hanya dengan sebutan suku kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain yang jelas mengetepikan suku-suku kaum dari Sabah dan Sarawak.

Keadaan tersebut merupakan satu penghinaan bagi kaum-kaum dari Sabah dan Sarawak yang dicatat sebagai 'lain-lain' dalam borang-borang pentadbiran Kerajaan yang perlu dicatat sejelas-jelasnya mengikut suku bangsa rakyat Malaysia yang telah wujud sekian lama di negara ini."

(Menteri Dalam Negeri)

35. PR-000-U41436
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Pilihanraya Kerajaan Tempatan hendaklah dipulihkan semula bagi melengkapi sistem demokrasi di Malaysia dan mengembalikan hak rakyat untuk memilih perwakilan mereka sendiri dalam Kerajaan Tempatan".

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

36. PR-000-U41440
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menyalurkan peruntukan tahunan kepada Ahli-Ahli Parlimen Pakatan Rakyat yang mewakili kawasan-kawasan yang dimenangi sebagaimana yang diberikan kepada wakil-wakil rakyat BN, supaya peruntukan dapat disalurkan untuk manfaat pengundi dan kawasan yang diwakili, sepertimana yang diamalkan di negara Taiwan. Langkah menyekat peruntukan tahunan wakil rakyat PR sebenarnya adalah satu diskriminasi politik ke atas para pengundi dan rakyat keseluruhannya dan sekatan amalan demokrasi sendiri".

(Perdana Menteri)

37. PR-000-U41442
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kementerian Pelajaran menyemak dan menyusun semula sukatan pelajaran subjek Sejarah Malaysia bagi memasukkan input yang tertinggal supaya ia lebih komprehensif, terbuka dan menjadi menarik untuk dipelajari".

(Menteri Pelajaran)

38. PR-000-U42596
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini harus meminta Kerajaan supaya menubuhkan satu badan bebas bagi menjalankan kajian terperinci untuk mengenalpasti keperluan untuk membina sekolah-sekolah Cina dan Tamil yang baru."

(Menteri Pelajaran)

39. PR-000-U42599
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini harus mengambil maklum bahawa Kerajaan harus menguatkuasakan undang-undang bagi mensyaratkan semua wakil rakyat mengumumkan aset milikan/kekayaan peribadi secara terbuka".

(Perdana Menteri)

40. PR-000-U42601
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini harus meminta Kerajaan supaya mengambil ketetapan yang rasional dalam pemilihan jumlah golongan bukan melayu secara seimbang dalam sektor perkhidmatan awam."

(Perdana Menteri)

41. PR-000-U42289
Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Persekutuan mengembalikan hak kepada Negeri untuk melantik Pegawai Eksekutif *Ex-officio* yang memberi kuasa kepada Menteri Besar yang dipilih rakyat dan menghormati kedaulatan negeri. Jelasnya, pemindahan Perlembagaan pada Tahun 1983 terbukti adalah memusatkan kuasa kepada Perdana Menteri dan Ketua Setiausaha Negara untuk campur tangan dalam pentadbiran negeri."

(Perdana Menteri)

42. PR-000-U41589
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membincangkan agar Suruhanjaya Pilihan Raya mencadangkan kepada Kerajaan agar:-a) mengurangkan umur minimum kelayakan mengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun;b) menjadikan pendaftaran untuk mengundi adalah satu perkara yang automatik; dan c) pengundi berdaftar adalah diwajibkan keluar mengundi."

(Perdana Menteri)

43. PR-000-U41590
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membahaskan agar satu mekanisma yang efektif dalam bentuk jangka masa pendek dalam menangani masalah banjir di negara ini."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

44. PR-000-U41591
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar Kerajaan dapat mengawal harga barangan asas seperti susu, gula dan tepung yang kerap naik harga tanpa mengambil kira kesannya terhadap rakyat yang rata-ratanya berpendapatan sederhana dan rendah."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

45. PR-000-U41592
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengambil perhatian secara serius di mana terdapat ramai golongan muda kini telah diisytiharkan muflis akibat dari penggunaan kad kredit yang tidak terkawal."

(Menteri Kewangan)

46. PR-000-U41594
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengarahkan Kerajaan untuk meminta semua penerima konsesi tol agar mengkaji semula kadar tol di negara ini bagi mengurangkan beban rakyat."

(Menteri Kerja Raya)

47. PR-000-U41597
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-
"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengadakan satu mata pelajaran tambahan di sekolah yang mengajar agama, dat istiadat, budaya serta cara hidup semua kaum di negara ini yang terdiri dari pebagai kaum bagi mengelakkan perkara yang berlaku baru-baru ini di mana seorang pelatih beragama Sikh dipotong rambut panjangnya di Kem Pusat Khidmat Negara tidak berulang. Isu ini adalah pelanggaran hak asasi manusia dan hak beragama di Malaysia. Suruhan Siasatan Diraja harus ditubuhkan untuk menyiasat pekara ini. Jikalau orang ramai mengenali agama, adat istiadat, budaya serta cara hidup kaum lain, pekara seumpama ini tidak akan berlaku dan isu perkauman juga dapat dihindari."

(Menterian Pelajaran)

48. PR-000-U41600
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia memberi lebih banyak peluang kepada masyarakat miskin tanpa mengira agama dan bangsa serta orang yang kurang upaya menjawat jawatan di sektor awam."

(Perdana Menteri)

49. PR-000-U41606
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan *Wifi* di seluruh negara untuk menggalakkan rakyat menggunakan internet bagi menambah pengetahuan mereka dan ini dapat menggalakkan semua lapisan masyarakat menggunakan internet."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

50. PR-000-U41609
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mendesak pengusaha-pengusaha stesen minyak untuk menyedia lebih banyak perkhidmatan membekalkan gas bagi menggalakkan lebih ramai orang menggunakan gas bagi kenderaan mereka yang mana ini dapat mengurangkan pencemaran udara."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

51. PR-000-U41611
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan menggubal undang-undang agar anak-anak dihadapkan ke mahkamah sekiranya mereka mengabaikan ibu bapa mereka yang sudah tua."

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

52. PR-000-U42038
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara sebagai syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene yang telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara".

(Menteri Pertahanan)

53. PR-000-U42040
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong bahawa Perdana Menteri untuk menjelaskan kekeliruan yang disebabkan atas jawapan beliau tentang perbelanjaan Isteri Perdana Menteri pada Dewan yang lepas iaitu pada November 2010 yang tidak dipadani dengan kewujudan "First Lady of Malaysia Division" seperti yang ditunjukkan oleh direktori laman web Jabatan Perdana Menteri."

(Perdana Menteri)

54. PR-000-U42020
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia, Kerajaan Arab Saudi, Majlis Keselamatan Negara, Angkatan Tentera Malaysia dan pihak lain yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan "Ops Piramid" untuk menyelamatkan rakyat Malaysia yang terperangkap dalam pergolakan berdarah di bumi Mesir".

(Menteri Luar Negeri)

55. PR-000-U42023
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri supaya keanggotaan Panel Perunding dan Pencegah Rasuah Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dikaji semula bagi mengelakkan sebarang tindakan anggota panel yang mencatatkan imej SPRM dan Kerajaan."

(Perdana Menteri)

56. PR-000-U42025
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak YAB Perdana Menteri mengkaji semula pengurusan dana dan bentuk pelaburan Lembaga Tabung Haji Malaysia. Dewan ini sedar tentang wujudnya kerisauan di kalangan umat Islam tentang penglibatan Lembaga Tabung Haji dalam pelaburan berisiko tinggi di dalam dan luar negara".

(Perdana Menteri)

57. PR-000-U42028
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak YB Menteri Dalam Negeri dan YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengambil langkah-langkah perlu untuk membersihkan bandaraya-bandaraya kita daripada sindiket "pengemis dan peminta derma" yang memperalatkan kanak-kanak, orang tua, orang kurang upaya dan pendatang asing. Dewan sedar bahawa tindakan 'pengemis dan peminta derma' ini menjejaskan imej negara dan menimbulkan persepsi negatif terhadap Kerajaan dan rakyat, selain masalah keselamatan."

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

58. PR-000-U42030
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak YB Menteri Kewangan memansuhkan pendekatan penghapusan subsidi secara total dalam kerangka Model Baru Ekonomi (NEM).

Dewan mengambil iktibar bahawa tindakan drastik penghapusan subsidi akan menggugat kestabilan sosial dan mungkin mengancam keselamatan negara seperti yang pernah berlaku di beberapa negara jiran, termasuk Indonesia pada lewat tahun 90an dan situasi terkini di negara Mesir."

(Menteri Kewangan)

59. PR-000-U42273
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu dalam menguatkuasa Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agong Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamal hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

(Menteri Dalam Negeri)

60. PR-000-U42275
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketatapan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja Siasatan Kes Kematian Tujuh Warga Pekerja Asing pada hujung Mei 2009 akibat kerja perobohan Jaya Supermarket, Petaling Jaya. Daripada siasatan yang dijalankan kerja perobohan tersebut tidak mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)."

(Menteri Sumber Manusia)

61. PR-000-U42278
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) menjalankan siasatan ke atas kematian adik Aminulrasyid yang ditembak mati oleh anggota polis. Dewan juga mendesak mengenai perlantikan panel khas di dalam siasatan kes ini. Polis didakwa menyalahgunakan senjata api sehingga menyebabkan Aminulrasyid terbunuh oleh polis.

Daripada siasatan dan perbicaraan yang dijalankan, banyak pihak tidak berpuas hati dengan perjalanannya dan diharap agar Suruhanjaya ini mampu untuk menjawab pelbagai spekulasi."

(Perdana Menteri)

62. PR-000-U42196
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan mengambil langkah segera bagi meringankan beban rakyat dengan menghapus dan memansuhkan semua jenis tol di lebuh raya Malaysia."

(Perdana Menteri)

63. PR-000-U42197
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan mengambil tindakan membatalkan semua jenis saman ekor tertunggak yang berjumlah 15 juta saman setelah pelaksanaan format dan Akta Pengangkutan Jalan pindaan 2010 dikuat kuasakan."

(Menteri Dalam Negeri

64. PR-000-U42199
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menutup syarikat Felda Plantation dan mengagihkan tanah milik Felda Plantation kepada generasi kedua dan ketiga peneroka Felda."

(Perdana Menteri)

65. PR-000-U42201
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan memberikan pengiktirafan peranan dan jasa kakitangan awam dengan mengkaji semula struktur gaji bermula dengan menaikkan imbuhan perguruan sebanyak RM500 sebulan setiap seorang guru sebagai penghargaan kepada guru."

(Perdana Menteri)

66. PR-000-U42203
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menaikkan royalti minyak kepada negeri Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan kepada 20 peratus."

(Perdana Menteri)